PERKARA MUTCHILIM alias ASHRHIN, SI MATI: HAJI MAWAR lwn. PEGUAM NEGARA*

[Mahkamah Tinggi (Tan Ah Tah H.) January 12, 1960]

[Singapore — Saman Permulaan Bil. 141 Tahun 1957]

Undang-undang Islam — Pesaka tak berwasiat — Si mati meninggalkan balu tidak ada kerabat dekat — Doktrin Radd.

Dalam kes ini almarhum simati meninggalkan seorang balu dan tidak ada waris lain. Ia seorang bermazhab Shafii. Persoalan yang timbul untuk diputuskan ialah sama ada yang menuntut selaku seorang balu berhak mendapat kesemua harta pusaka atau ia hanya berhak mendapat 1/4 sahaja, sementara harta yang selebihnya iaitu 3/4 menjadi hak kerajaan.

Diputuskan: (1) mengikut mazhab Shafii seorang balu hanya berhak mendapat 1/4 bahagian daripada harta pesaka dan doktrin Radd tidak terpakai bagi membolehkannya mendapat bakinya;

(2) bahagian 3/4 yang baki menjadi hak kerajaan.

Kes-kes rujukan:-

(1) *Mahomed Arshad Chowdhry* v. *Sajida Banoo* (1878) I.L.R. 3 Cal. 702.

(2) *Bafatun* v. *Bilaiti Khanum* (1903) I.L.R. 30 Cal. 683.

(3) *Mussamut Soobhanee Bhetun* (1811) 1 Sel. Rep.: S.D.A. 346.

(4) *Collector of Masulipatam* v. *Cavaly* (1860) 8 Moo I.A. 500, 525.

(5) *Re Timah binti Abdullah decd.* [1941] M.L.J. 51.

SAMAN PERMULAAN.

N.A. Mallal bagi pihak yang menuntut.

Ahmad Ibrahim (Peguam Kanan Kerajaan) bagi pihak di tuntut.

Tan Ah Tah H.: Yang menuntut dalam kes ini ialah balu kepada Mutchilim alias Ashrhin yang meninggal dunia pada 6hb Mei 1931 tanpa membuat wasiat. Yang menuntut bersumpah bahawa almarhum si mati tidak meninggalkan anak atau mana-mana waris lain dan perkara ini hendaklah diputuskan atas asas itu. Persoalan yang timbul untuk diputuskan ialah sama ada yang menuntut, balu kepada almarhum si mati itu, berhak mendapat kesemua harta pusaka atau ia hanya berhak mendapat $\frac{1}{4}$ bahagian dan yang selebihnya iaitu $\frac{3}{4}$ bahagian menjadi hak kerajaan.

Almarhum si mati seorang Islam bermazhab Shafii. Jadi, prinsip-prinsip mazhab Shafii adalah terpakai dan kes ini hendaklah diputuskan mengikut prinsip-prinsip itu.

Mengikut undang-undang warisan Islam terdapat banyak peringkat orang yang berhak mendapat pusaka peninggalan si mati, akan tetapi untuk tujuan kes ini adalah perlu merujuk kepada tiga dari peringkat itu. Ini adalah penerima-penerima bahagian tetap (ahli fardhu), penerima-penerima bahagian baki (ahli asabah) dan waris-waris jauh. Penerima-penerima bahagian tetap ialah mereka yang berhak mendapat bahagian yang telah ditentukan. Penerima-penerima bahagian baki pula ialah mereka yang tidak mengambil bahagian secara tetap akan tetapi mempusakai bahagian baki selepas pembahagian tetap dilakukan. Sementara waris-waris yang jauh ialah mereka yang ada pertalian darah akan tetapi tidak termasuk dalam golongan penerima-penerima tetap (ahli fardhu) atau penerima-penerima baki (ahli asabah).

Peraturan pada masa dahulu ialah apabila tidak ada penerima-penerima tetap (ahli fardhu) dan penerima-penerima baki (ahli asabah) hartabenda peninggalan seorang si mati diserahkan kepada Bait-ul-Mal yang boleh diertikan sebagai sebuah institusi kewangan umum yang diperuntukkan bagi kepentingan umum orang-orang Islam. Dengan perkembangan masa peraturan ini telah diubahsuaikan dengan satu doktrin yang dipanggil doktrin radd. Mengikut doktrin ini sekiranya terdapat harta baki selepas pembahagian kepada penerima-penerima tetap (ahli fardhu) dan tidak ada penerima baki (ahli asabah), baki harta itu dikembalikan kepada penerima-penerima tetap (ahli fardhu) mengikut kadar bahagian tetap mereka. Hak kembali ini dinamakan radd. Di peringkat awal pemakaian doktrin ini diputuskan bahawa suami atau isteri tidak berhak mendapat bahagian dengan cara radd ini. Walau bagaimanapun satu perubahan telah berlaku dalam sistem pusaka mengikut mazhab Hanafi iaitu apabila seseorang mati tidak meninggalkan waris lain dari lapisan penerima-penerima bahagian tetap (ahli fardhu) dengan pertalian darah ataupun waris jauh, si suami atau si isteri berhak mendapat bahagian baki dengan cara radd. Perkembangan ini dicontohi dalam kes *Mohamed Arshad Chowdhry* v. *Sajida Banoo*[1] dan keputusannya diikuti di dalam kes *Bafatun* v. *Bilaiti Khanum*.[2]

Dalam membuat keputusan kes *Mahomed Arshad Chowdhry* v. *Sajida Banoo*, tersebut, mahkamah telah berpegang kepada keputusan kes *Mussamut Soobhanee Bhetun*[3] di mana pendapat para fuquha Islam diterima. Autoriti-autoriti yang disebutkan oleh para fuquha itu untuk memperkukuhkan pendapat mereka disebut sebagai Hemadya dan Zukheerali.

Perkara itu telah dirujukkan di dalam nota kaki muka surat 279 *Wilson's* Anglo-Muhammadan Law, edisi ke 6, di mana petikan daripada *Hemadya* disebutkan. Nota kaki itu terdapat di dalam bahagian buku itu yang menjelaskan dengan terperinci undang-undang warisan mengikut mazhab Hanafi. Sementara *Hemadya* dan *Zukheerali* tidak terdapat dalam mana-mana senarai autoriti Shafii di dalam buku-buku teks yang terbilang di bidang undang-undang Islam. Apa yang jelas semua itu adalah autoriti dalam undang-undang mazhab Hanafi dan kes-kes yang telah diputuskan mengikut autoriti itu hendaklah dianggap sebagai autoriti di dalam undang-undang warisan mazhab Hanafi. Dalam hubungan ini potongan ayat berikut yang dipetik daripada *Fyzee's* Outlines of Muhammadan Law, Edisi ke 2, m.s. 62 adalah berkaitan dengan kes ini: —

"Amalan biasa di Semenanjung Benua ini (iaitu India) ialah pemakaian istilah 'Undang-Undang Ahli Sunnah' ataupun 'Undang-Undang Shiah' walaupun itu kurang tepat; dengan yang pertama dimaksudkan undang-undang Mazhab Hanafi dan yang terkemudian dimaksudkan mazhab Ithna Ashari Shiah."

Kedudukan si suami dan isteri dalam undang-undang warisan mazhab Shafii di dalam perkara ini telah dirujukkan di dalam petikan berikut dari terjemahan Howard yang dibuat dari terjemahan dalam bahasa Perancis oleh Van den Berg daripada *Minhaj et Talibin* m.s. 247: —

---

* Dialihbahasa dari [1960] M.L.J. 25, oleh Abdullah bin Abubakar B.A. (Al-Azhar), LL.M. (Sheffield), Pensyarah, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya.

"Doktrin pada mulanya dalam mazhab kami tidak membenarkan waris dari sebelah ibu mendapat bahagian dalam harta pusaka dan waris-waris yang disebutkan dalam Quran tidak berhak mendapat lebih dari bahagian-bahagian mereka yang tetap. Jadi, dalam keadaan tidak ada penerima-penerima yang berhak, kadar yang baki daripada itu diserahkan kepada negara. Oleh kerana sebab itu autoriti-autoriti baru telah mengemukakan satu peraturan di mana dalam keadaan-keadaan di mana harta Kerajaan tidak ditadbirkan mengikut undang-undang, waris-waris yang tersebut dalam Quran, kecuali suami dan isteri, setelah mereka menerima bahagian-bahagian mereka dan dalam keadaan tidak ada penerima-penerima lain yang sah, mereka boleh menuntut harta yang baki supaya dibahagikan antara mereka. Negara boleh diketepikan dengan adanya waris-waris sebelah perempuan sekiranya almarhum si mati tidak meninggalkan waris yang sah. Dengan waris-waris sebelah perempuan diertikan semua waris kecuali mereka yang disebut sebagai ahli waris yang sah. Mereka semua sepuluh jenis: (1) Bapa kepada ibu dan pada amnya datuk nenek yang tidak menjadi ahli waris yang sah; (2) Cucu-cucu dari anak perempuan; (3) Anak-anak perempuan bagi saudara lelaki; (4) Anak-anak bagi saudara perempuan; (5) Anak-anak bagi saudara lelaki seibu; (6) Saudara lelaki seibu bagi bapa; (7) Anak perempuan bagi saudara lelaki bagi bapa; (8) Ibu saudara dari pihak ayah; (9) Saudara lelaki dan perempuan bagi ibu; (10) Kerabat-kerabat lelaki/perempuan kepada mereka itu;"

Apa yang jelas dari petikan itu ialah bahawa pada masa buku *Minhaj et Talibin* ditulis tidak seorang pun baik suami maupun isteri bagi almarhum si mati yang bermazhab Shafii berhak mendapat bahagian yang baki dari harta peninggalan dengan cara radd. Antara buku-buku undang-undang Islam yang ditunjukkan oleh Ordinan Islam hanya *Minhaj et Talibin* yang mempunyai satu kenyataan yang jelas berhubung dengan masalah ini. Tambahan pula, semenjak buku *Minhaj et Talibin* ditulis, undang-undang mazhab Shafii dalam perkara ini tidak menerima perubahan atau pengubahsuaian. Saya menerima kenyataan yang terdapat dalam *Minhaj et Talibin* sebagai satu bukti undang-undang mazhab Shafii dalam masalah yang timbul dan memutuskan bahawa yang mendakwa tidak berhak mempusakai bahagian baki dari harta peninggalan almarhum bekas suaminya.

Peguam bagi pihak yang menuntut berhujjah bahawa oleh kerana tidak terdapat Bait-ul-Mal di Singapura maka yang menuntut berhak mendapat $\frac{3}{4}$ bahagian dari harta peninggalan almarhum si mati di samping bahagiannya sebanyak $\frac{1}{4}$. Dalam perkara ini adalah berkaitan jika rujukan dibuat kepada seksyen 265 *Wilson's* Anglo-Muhammadan Law dan secara khusus komentari di m.s. 296. Seksyen 265 dan komentarinya adalah seperti berikut:

"*Kembali pada Kerajaan*

265. Dalam keadaan tidak ada waris-waris tersebut di atas kesemua harta peninggalan seorang Islam yang mati tanpa wasiat dalam sebuah negeri Islam hendaklah diserahkan kepada Bait-ul-Mal.

Mengikut undang-undang Islam tulin (Sirajiyyah 3) harta itu hendaklah bertukar menjadi satu kumpulan wang yang diberi nama Bait-ul-Mal yang digunakan untuk menentang musuh Islam, pembangunan masjid-masjid atau untuk menolong orang-orang Islam yang miskin. Tetapi Mahkamah-mahkamah Inggeris telah tidak mengiktiraf ujudnya kumpulan wang sedemikian dan telahpun membuat keputusan bahawa harta yang tidak mempunyai waris-waris lain hendaklah boleh digunakan untuk tujuan-tujuan-umum kerajaan. Autoriti yang terdapat dalam prinsip ini ialah satu kes Hindu, *Collector of Masulipatam* v. *Cavaly*(4) akan tetapi oleh kerana ia dikenakan berlawanan dengan sesuatu pendapat undang-undang Hindu bahawa raja tidak sama sekali mengambil harta seorang Brahmin, ianya mestilah terpakai kepada kes orang-orang Islam yang mempunyai undang-undang yang tidak ada pendapat seperti itu, akan tetapi sebaliknya mengikut undang-undang Islam pembayaran untuk Khazanah Awam itu bukanlah sebegai cara pusaka (*Sharifiyah* 9.10). Kata-kata Privy Council dalam kes itu adalah seperti berikut:

'Apabila terbukti dengan jelas melalui undang-undang yang terpakai kepada pemilik terakhir, bahawa tidak ada ahli waris sama sekali, tuntutan ke atas tanah itu tidak lagi tertakluk kepada mana-mana undang-undang peribadi; dan oleh kerana semua harta yang tidak diberi untuk amanah ugama tertentu perlu ada yang punya di sisi undang-undang dan tidak boleh ada harta yang tidak ada tuanpunyanya maka undang-undang yang kembalikan harta itu kepada negara dikenakan dan diikuti dan perkara ini diterima di dalam semua mahkamah negeri. Jika tidak ada milik peribadi, negara yang menjadi pemilik harta sebagai pemilik utama'."

Persoalan siapakah yang berhak menerima harta pusaka bagi seorang Islam dalam keadaan tidak ada ahli waris telahpun dipertimbangkan dalam kes *Re Timah binti Abdullah.*(6) Dalam kes itu almarhumah si mati adalah seorang wanita Jepun yang memeluk ugama Islam. Almarhumah meninggalkan ibu dan saudara lelaki yang bukan Islam. Pada masa matinya ia berdomisil di negeri Pahang di mana tidak ada Bait-ul-Mal. Diputuskan bahawa ibu dan saudara lelakinya yang bukan Islam tidak berhak menerima pusaka peninggalannya dan negeri Pahang adalah berhak mempusakai kesemua harta tersebut.

Patut diperhatikan bahawa yang menuntut dalam kes ini bukanlah waris dekat kepada almarhum si mati mengikut tafsiran seksyen 16 Ordinan Undang-Undang Sivil (Bab 24). Dengan mengambil kira fakta tersebut dan kepada prinsip yang ada dalam komentari Wilson dan yang terpakai dalam kes *Re Timah binti Abdullah,* tersebut kadar $\frac{3}{4}$ bahagian dari harta almarhum si mati pada pandangan saya mestilah dipindahkan kepada pihak kerajaan.

Jawapan kepada soalan yang ditimbulkan dalam permohonan ini ialah yang menuntut berhak mendapat $\frac{1}{4}$ bahagian dari harta peninggalan almarhum si mati sementara $\frac{3}{4}$ bakinya hendaklah diserahkan kepada pihak kerajaan.

Saya sungguh terhutang budi kepada peguam kedua-dua belah pihak atas pertolongan yang mereka berikan kepada mahkamah dalam perkara ini.

Dengan persetujuan dua-dua pihak kos perkara ini ke atas yang menuntut ditetapkan sebanyak $2,000. Peguam pihak yang dituntut telah menyebut bahawa ia tidak membuat sebarang permohonan tentang bayaran kos, dan oleh kerana itu tidak ada arahan dibuat tentang kos ke atas yang dituntut.

Perintah berikutan.

Peguamcara: *Mallal & Namazie.*